

PERANAN KOMUNIKASI IBU BAPA TERHADAP PROSES BIMBINGAN DAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT KEPADA ANAK-ANAK

Noraini Mohamad¹

Safinah Ismail²

Nazneen Ismail³

Komunikasi memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan proses bimbingan kepada anak-anak. Penggunaan komunikasi yang tepat akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan anak-anak. Anak-anak pada masa kini lebih gemar melihat perlakuan atau perbuatan ibu bapa berbanding ucapan yang dilontarkan. Seharusnya sebagai ibu bapa perlu memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan bimbingan kepada anak-anak dengan menggunakan komunikasi yang tepat. Komunikasi yang tepat bukan sekadar menggunakan bahasa dan suara yang bersesuaian, malah ia memerlukan kombinasi bahasa badan yang tidak mengelirukan. Justeru kajian ini telah mengkaji secara konsep berdasarkan beberapa perbincangan dalam penulisan yang terpilih bagi mengenal pasti bentuk komunikasi berkesan yang boleh digunakan oleh ibu bapa ketika menyampaikan maklumat kepada anak-anak. Hasil kajian mendapati bentuk komunikasi ibu bapa yang berkesan banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya ialah penggunaan suara, pemilihan bahasa, unsur pujian, humor dan kebebasan ketika menyatakan pendapat.

Kata kunci: *Komunikasi, ibu bapa, bimbingan*

PENGENALAN

Mustafa (2002) menjelaskan seseorang individu yang mahir berkomunikasi dengan individu yang lain mampu mewujudkan suasana baik dan positif dalam membina hubungan baik sesama manusia. Kajian Che Hasniza dan Fatimah (2011) mendapati komunikasi dalam keluarga merupakan satu institusi sosial dan dapat menjelaskan tahap perhubungan antara ahli keluarga. Malah, Barnes dan Olson (1985) juga menjelaskan komunikasi adalah proses membina penyesuaian dalam sesebuah keluarga. Kajiannya mendapati apabila hubungan komunikasi ibu bapa dengan anak berlangsung dengan baik, maka hubungan keluarga akan menjadi lancar dan memudahkan proses penyelesaian masalah. Justeru kajian ini telah menghuraikan beberapa bentuk komunikasi ibu bapa yang berperanan sebagai proses membimbing dan menyampaikan maklumat kepada anak-anak. Antara yang menjadi topik perbincangan dalam penulisan ini ialah definisi komunikasi, konsep komunikasi menurut Islam, peranan ibu bapa dalam Islam, bentuk

¹ Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, KUIS.

² Pensyarah, Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.

³ Pensyarah, Jabatan Dakwah & Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.

komunikasi ibu bapa, faktor yang mempengaruhi komunikasi ibu bapa dan faktor yang menghalang komunikasi ibu bapa.

DEFINISI KOMUNIKASI

Istilah komunikasi diambil daripada perkataan Bahasa Inggeris iaitu *communication*. *Communication* pula diambil daripada bahasa Latin yang bermaksud *communicare* iaitu mewujudkan persamaan. Jika ditinjau istilah komunikasi dalam Bahasa Arab, komunikasi disebut dengan kalimah *ittisal* yang membawa maksud akar kata. Selain itu, komunikasi juga boleh membawa maksud *wasala* iaitu menyampaikan sesuatu (Ibnu Manzur, 2010). Walau bagaimanapun, istilah komunikasi telah dibincangkan oleh para sarjana terkemuka dunia sehingga telah membentuk pelbagai model komunikasi mengikut bidang kajian masing-masing.

KONSEP KOMUNIKASI MENURUT ISLAM

Zulkefli dan S. Salahudin (2016) dan Salahuddin et. al (2008) menyatakan, terdapat banyak istilah komunikasi dalam kitab al-Quran. Allah SWT telah menggambarkan kalimah-kalimah khusus dalam al-Quran yang membawa kepada maksud komunikasi. Kalimah-kalimah yang digambarkan ialah *wassala* (menyampaikan), *al-bayan* (menerangkan), *baligh* (menyampaikan), *qara'a* (membaca), *qul* (katakanlah), dan *sa'ala* (bertanya). Ia juga dikategorikan sebagai aktiviti komunikasi yang berlangsung dalam kehidupan seharian manusia (Saodah et al, 2003). Melalui kalimah-kalimah yang dinyatakan dalam al-Quran ini telah menjelaskan kepada kita bahawa komunikasi Islam adalah satu kaedah penyampaian mesej yang baik bertujuan untuk menerapkan nilai Islam dalam kehidupan sejagat. Sebagai umat Islam kita meyakini bahawa al-Quran merupakan *kalam* Allah SWT yang merupakan mukjizat yang tidak ada sebarang keraguan padanya.

Sumber kedua dalam Islam adalah mewakili hadis dan sunnah Rasulullah SAW. Justeru aspek komunikasi dalam Islam telah memperlihatkan kedua-dua sumber iaitu al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber rujukan utama dalam menyampaikan komunikasi. Hadis dan sunnah Rasulullah SAW telah memperlihatkan komunikasi secara *verbal* dan *non verbal* melalui perkataan, perbuatan dan pengakuan baginda Rasulullah SAW. Semua rujukan dan panduan dalam hadis dan sunnah Rasulullah SAW mampu menjadi rujukan kepada umat manusia terutama dalam menyampaikan mesej bagi meneruskan aktiviti seharian memandangkan Rasulullah SAW adalah komunikator Islam yang sangat dicontohi dalam kehidupan sejagat (Noraini, 2012).

PERANAN IBU BAPA DALAM ISLAM

Teuku Iskandar (1970) menjelaskan ibu adalah seorang individu yang diberi gelaran sebagai ibu, emak, mommy dan bonda. Bapa pula digelar sebagai ayah, abah, papa dan daddy. Ibu berperanan dalam mengasuh dan membimbing anak-anak dalam institusi keluarga, manakalah bapa sebagai ketua pemimpin dalam menyediakan tempat tinggal, pakaian, memberi nafkah dan kasih sayang kepada isteri dan anak-anak. Rusnani (2009) menjelaskan ibu bapa adalah jawatan khusus yang dilantik tanpa rasmi dalam sesebuah institusi keluarga. Jawatan yang dimaksudkan merangkumi aspek amanah, tugas dan tanggungjawab sekali gus menjadikan ia sebagai jawatan utama dalam sebahagian besar anggota keluarga.

Arrasyid (2003) menyenaraikan enam ciri yang perlu ada dalam diri ibu bapa untuk membentuk keluarga bahagia. Ciri-ciri tersebut adalah ibu bapa berperanan sebagai pendidik, pendorong, pengelola, perancang, inovator dan penilai dalam mendidik anak-anak. Tugas ibu bapa yang bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah akhirnya mampu melahirkan anak-anak yang soleh dan solehah (al-Qarni, 1990). Saedah (2003), Mohd. Fadzillah dan Muhammad Zakaria (2005) pula menjelaskan ibu bapa adalah model utama yang mencerminkan contoh teladan baik yang akhirnya akan menjadi ikutan anak-anak dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kajian Mustafa (2014) mendapati kegagalan ibu bapa dalam keluarga menjadi punca utama yang menyumbang kepada keruntuhan moral, akhlak serta peribadi anak-anak.

BENTUK KOMUNIKASI IBU BAPA

Terdapat dua bentuk komunikasi yang biasa digunakan dalam kehidupan sehari-hari iaitu komunikasi lisan (verbal) dan komunikasi bukan lisan (non-verbal). Begitu juga dalam konteks keluarga, ibu bapa perlu mempunyai kemahiran komunikasi kerana ia akan membawa kesan dalam kehidupan sosial institusi keluarga tersebut (Paizah, 1991 & Robiah, 2003).

Komunikasi Lisan (Verbal)

Abdul Mua'ti (2001) menjelaskan komunikasi lisan ialah komunikasi yang melibatkan penggunaan bahasa atau perkataan secara lisan dalam kehidupan sehari-hari manusia sama ada secara berbisik, berbual dan sebagainya. Sebagai contoh, temu bual dan perbincangan antara individu seperti doktor dan pesakit, guru dan murid serta ibu bapa dan anak-anak. Walau bagaimanapun, dalam konteks keluarga, Abdul Mua'ti (2001) telah menyenaraikan lima amalan komunikasi berkesan dalam keluarga iaitu konsep sapa dan memberi salam, menegur kesilapan, memuji dan menghargai, menggunakan nada suara yang baik serta memberi dan menerima pendapat ahli keluarga.

Komunikasi Bukan Lisan (Non-Verbal)

Abdullah dan Ainon (2002) menjelaskan bahawa komunikasi bukan lisan ialah istilah yang sinonim dengan ‘komunikasi non-verbal’ atau ‘bahasa badan’. Justeru dalam erti kata lain,

bahasa badan yang dimaksudkan termasuk perhubungan ruang dari jarak, orientasi masa, mimik muka, gerak mata, suara, gerak-geri individu serta kadar kelajuan seseorang dalam percakapannya. Selain itu, Hamidah dan Harun (1996) dalam kajiannya juga ada menambah, bau badan, kulit, gaya rambut dan pakaian juga termasuk dalam elemen komunikasi bukan lisan. Secara umumnya, Hinde (1972) menjelaskan komunikasi bukan lisan melibatkan semua perbuatan atau tindak tanduk seseorang individu kecuali perkataannya. Ia juga dikenali sebagai *silence language* iaitu tingkah laku seseorang lebih memberi kesan daripada perkataan yang dizahirkan (Henry, 2010). Calero (2009) pula menjelaskan komunikasi tanpa lisan dilihat melalui gaya sentuhan, pergerakan tubuh badan seperti mimik muka dan bibir lebih memberi kesan dalam komunikasi harian. Mohd Baharuddin dan Mohd Khairie (2003) menjelaskan kemahiran komunikasi bukan lisan penting kerana ia dapat menafsir emosi, tingkah laku serta penampilan identiti seseorang.

Walau bagaimanapun, komunikasi lisan dan bukan lisan saling bergantung antara satu sama lain. Gambaran yang dibincangkan oleh Hamidah dan Harun (1996) menyifatkan dalam situasi proses temuduga, seseorang pemohon kerja yang petah bercakap dalam pertuturnya namun enggan memandang si penemu duga sambil memperlihatkan wajahnya yang berkerut akan menggagalkan proses komunikasi yang sedang berlangsung. Begitu juga dalam proses mendidik anak-anak, ibu bapa seharusnya menggunakan bentuk komunikasi dalam keluarga melalui perkongsian idea, maklumat serta perasaan sesama ahli keluarga (Abdul Mua'ti, 2001). Kegagalan proses komunikasi dalam sesebuah institusi keluarga akan menimbulkan perasaan dendam, marah dan ketidakpuasan hati yang akhirnya memberi kesan kepada kehancuran sebuah institusi keluarga. Oleh itu, beliau menjelaskan lagi ahli keluarga seharusnya menjadi sangat akrab antara satu sama lain bagi membendung terjadinya kegagalan dalam proses komunikasi.

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KOMUNIKASI IBU BAPA

Hasil kajian Barnes dan Olson (1985) menunjukkan hubungan dalam keluarga menjadi baik adalah kerana hasil didikan dan kaedah komunikasi yang baik telah diamalkan dalam kalangan ibu dan bapa terhadap anak-anak. Perkara ini penting kerana komunikasi dilihat sebagai penghubung utama antara ibu bapa dan anak-anak dalam proses menyelesaikan masalah, perbincangan isu serta mampu menjadikan hubungan dalam keluarga lebih akrab dan dekat (Che Hasniza & Fatimah, 2011). Tambahan pula, ibu bapa merupakan individu paling dekat dalam kehidupan anak-anak dalam sesebuah institusi keluarga (Rohner et al, 2001). Malah, sebahagian besar masa yang diperuntukkan dalam kehidupan harian adalah bersama keluarga (Anuar & Norhaidawati, 2016). Mayyadah (2016) menjelaskan ibu bapa bukan hanya berperanan sebagai ketua yang menguruskan sebuah keluarga, malah mereka adalah pendakwah dalam membentuk anak-anak. Terdapat lima faktor yang mempengaruhi komunikasi berkesan ibu bapa terhadap anak-anak.

Penggunaan Nada Suara

Samsuddin (1993) menyatakan setiap individu mempunyai kualiti suara masing-masing. Beliau juga menjelaskan berdasarkan kajian linguistik, suara dibahagikan kepada dua komponen iaitu nasa suara dan vokal. Nada suara diwakili oleh tempo, kawalan dan kualiti suara manakala vokal pula diwakili suara yang tiada kaitan dengan struktur bahasa seperti ketawa dan tangisan. Selain itu, Abdul Mua'ti (2001) menjelaskan nada suara yang lemah lembut serta lunak ketika berkomunikasi mampu menyentuh perasaan dan memberi kesan mendalam berbanding nada yang tinggi dan kasar.

Pemilihan Bahasa

Pearson (2002) menyatakan bahasa ialah kod simbol, huruf dan perkataan yang disusun dalam membentuk ayat dan perkataan. Bahasa mempunyai ciri-ciri yang istimewa dalam pembentukan makna dan perkataan yang sesuai. Ciri-ciri bahasa adalah merangkumi bunyi, makna dan pilihan perkataan yang baik serta jelas dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada individu lain (Mohd Baharudin & Mohd Khairie, 2009). Namun begitu, kebanyakkan individu merasakan bahasa sebagai simbol yang tidak penting dan memandang remeh terhadap penggunaannya (Sillars, 1988) sedangkan penggunaan gaya bahasa, kosa kata, penggunaan tatabahasa yang betul menjadi penentu kepada kejayaan proses komunikasi (Syofia et al, 2015). Ini kerana pertuturan kata serta pemilihan bahasa yang sesuai akan memberi kesan kepada perasaan individu dan mampu memberi semangat kepada seseorang atau sebaliknya (Fauziah, 2010). Jumali et. al (2012) menjelaskan bahasa berperanan sebagai alat dalam komunikasi supaya maksud dan mesej yang disampaikan dapat difahami dengan jelas. Bahasa penting disebabkan oleh tiga perkara iaitu melahirkan buah fikiran dan menghantar idea yang tepat, menjalin hubungan baik dengan individu lain serta memberikan imej yang positif tentang diri melalui penggunaan dan pemilihan bahasa yang dibuat (Ahmad Kamil, 1992; Azlina, 2015).

Justeru dalam konteks kehidupan berkeluarga, ibu bapa disarankan agar memilih dan menggunakan perkataan yang positif seperti tidak menyentuh perasaan anak-anak sehingga menyebabkan berlaku kekecewaan dan pemberontakan dalam kalangan anak-anak. Syed Qutb (1985) menyebut ia sebagai *kalimah toyyibah* iaitu menyebut perkataan-perkataan yang baik. Penggunaan bahasa yang negatif akan menimbulkan perasaan seperti merajuk, kecil hati, salah faham, kebencian serta kurang keyakinan diri dalam kalangan ahli keluarga (Abdul Mua'ti, 2001). Begitu juga dalam bidang pendidikan, kajian Machado (2016) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menguasai kemahiran membaca dan menulis adalah hasil pembelajaran awal melalui bahasa yang didengar dalam kehidupan sosial keluarga. Cats et al (2012) menjelaskan pengalaman bahasa kanak-kanak akan memberi kesan kepada proses pembelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi. Tambahan lagi, perkembangan bahasa menjadi faktor utama kepada perkembangan literasi dan akademik anak-anak.

Penggunaan Unsur Puji-Pujian

Ibu bapa yang selalu memuji anak-anak akan menimbulkan tahap keyakinan diri yang tinggi dalam diri anak-anak. Ini bermaksud, kata pujian yang dilontarkan oleh ibu bapa akan menimbulkan perasaan menghargai diri sendiri dalam jiwa anak-anak (Abdul Mua'ti, 2001). Unsur puji-pujian yang dihuraikan ialah dengan menggunakan bahasa positif. Menurutnya, bahasa positif mampu membawa unsur semangat dalam diri seseorang. Contohnya, ibu bapa yang menggunakan perkataan comel anak bertuah, bagus dan pandai akan membentuk personaliti positif terhadap anak-anak tersebut. Walau bagaimanapun, Mohammed Zin dan Mohd Taib (2012) telah meletakkan tiga kategori pujian yang perlu dielakkan dalam berkomunikasi. Antaranya ialah pujian yang mempunyai unsur putar belit iaitu memuji dengan tujuan tertentu. Kedua ialah pujian yang diberikan semata-mata untuk memberi keseronokan tanpa mempunyai matlamat yang jelas. Ketiga, pujian yang hanya memenuhi tuntutan supaya orang yang dipuji itu gembira. Ketiga-tiga pujian ini disifatkan sebagai pujian yang tidak ikhlas.

Humor dalam Komunikasi

Ross (1999) menjelaskan humor ialah alat untuk menarik perhatian orang lain sehingga menyebabkan individu tertawa dan tersenyum. Abdullah dan Ainon (2005) menjelaskan humor adalah lawak atau sesuatu yang bersifat lucu. Humor boleh membuatkan individu lain lebih suka dan dekat dengan seseorang. Namun begitu, humor tidak sesuai digunakan dalam keadaan sedih, serius mahupun melibatkan isu-isu sensitif. Justeru dalam konteks keluarga, humor amat diperlukan bagi mengurangkan suasana tegang dalam keluarga, namun begitu ia tidak boleh dilakukan setiap masa dan humor hanya boleh dilakukan dengan melihat situasi dan keadaan yang sesuai.

Kebebasan Menyuarkan Pendapat

Yusof Boon (2008) menjelaskan jika ibu bapa memberikan ruang untuk anak-anak bersuara, secara tidak langsung mereka akan rasa dihargai dan ini dapat membentuk konsep kendiri anak-anak. Oleh itu, sebagai ibu bapa yang prihatin mereka sewajarnya memberi ruang dan peluang kepada anak-anak untuk menyampaikan pendapat. Namun pendapat tersebut tidak semestinya diterima oleh ibu bapa kerana ibu bapa perlu bijak berbincang dan bertanyakan rasional pendapat tersebut diutarakan. Jika ia memberi kebaikan kepada semua, maka pendapat tersebut perlu diraikan, namun jika pendapat tersebut tidak sesuai dan banyak memberi kesan yang tidak baik kepada keluarga, ibu bapa perlu menolak dengan menyatakan alasan yang sesuai dan boleh diterima oleh anak-anak.

FAKTOR YANG MENGHALANG KOMUNIKASI IBU BAPA

Masalah utama dalam komunikasi boleh berlaku kerana maklumat yang hendak disampaikan itu tidak dapat difahami dengan baik dan kurang jelas kepada penerima. Keadaan ini sekali gus memberi kesan negatif malah boleh menjadi halangan utama dalam proses komunikasi (Jumali et

al, 2012). Sehubungan dengan itu, Ahmad Kamil (1995) menjelaskan kegagalan terhadap komunikasi (*communication breakdown*) akan mewujudkan suasana persekitaran yang negatif dalam sesbuah keluarga. Jumali et al (2012) menjelaskan perkataan dan bahasa yang dikeluarkan oleh ibu bapa juga boleh menjadi penghalang dalam komunikasi. Lebih serius lagi apabila terdapat ibu bapa yang menganggap bahawa mereka tidak perlu berperanan sebagai kaunselor di rumah terutama kepada anak-anak sendiri. Sedangkan hakikatnya, ibu bapa adalah pendakwah utama dalam mendidik anak mengenali konsep amar makruf nahi mungkar (Nasih Ulwan, 1989). Berikutnya dibincangkan beberapa halangan dalam komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak.

Bersikap Diktator Terhadap Anak-Anak

Kuasa atau pengaruh membentuk penguasaan automatik terhadap anak-anak. Muhamad (1993) menjelaskan kuasa yang dimaksudkan mempunyai empat elemen iaitu arahan, leteran, denda dan peraturan. Muhammad Rasyid (2012) menjelaskan dalam konteks keluarga, ibu bapa yang mengamalkan sikap diktator akan selalu menolak keinginan anak dan memberikan arahan supaya anak-anak mengikut setiap yang disuruh oleh ibu bapa tersebut. Hal ini termasuk penentuan dari aspek aktiviti harian anak, kebebasan, penentuan jenis makanan serta jadual harian anak-anak. Kesannya akan menyebabkan anak-anak kehilangan kreativiti dan terhalang daripada potensi diri (Muhamad, 1993). Hogan dan Stubbs (2008) menjelaskan antara sifat yang menghalang komunikasi ialah bersifat tidak mendengar, suka mengkritik, bersifat tidak menghargai orang, tiada bahasa tubuh dan suka berhujah. Situasi ini menggambarkan, ibu bapa yang mengamalkan sikap yang lebih dominan akan mewujudkan jarak antara ibu bapa dan anak-anak. Selain itu, aspek adab juga turut dibangkitkan oleh Ashraf Ali Thanwi (1992) yang menyatakan bahawa, adab bukan sahaja terhad kepada anak-anak, malah ibu bapa juga disarankan agar peka terhadap adab dalam mendidik anak-anak. Contohnya, ibu bapa tidak seharusnya bercakap perkara yang boleh memalukan anak-anak depan khalayak umum.

Persekutaran dan Kegiatan Sosial dalam Keluarga

Kajian Rohaty (2003) menunjukkan ibu bapa di Malaysia kurang memberikan tumpuan dalam aktiviti harian anak-anak. Kajian tersebut menunjukkan, nilai min keseluruhan hanya pada kadar 2.56. Ini menunjukkan perbincangan antara ibu bapa dan anak sangat rendah dalam kehidupan seharian, sedangkan kajian Anuar dan Norhaidawati (2016) menunjukkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sosial anak-anak membawa pengaruh besar dalam peningkatan kendiri mereka. Seiring dengan itu, kajian Arnold et. al (2008) dan Johdi et. al (2009) menunjukkan penglibatan ibu dalam kehidupan anak-anak adalah elemen utama dalam mempengaruhi kemajuan dalam bidang pendidikan. Selain itu juga, sikap ibu bapa yang lebih mementingkan kerjaya menyebabkan kualiti kebajikan keluarga menurun dan menjadi tidak kukuh (Syed Mahadzir, 2003). Sikap yang terlalu memanjakan anak-anak dengan cara memenuhi segala keperluan dan kehendak anak-anak sehingga menyebabkan anak-anak berasa selesa tanpa perlu berusaha untuk mendapat sesuatu perkara (Muhammad Rasyid, 2012).

Kurang Didikan Agama dalam Keluarga

Sifat utama yang harus ada dalam jiwa pendidik ialah ikhlas, bertakwa, berilmu, toleransi dan sedar tentang tanggungjawab yang dipikul (Nasih Ulwan, 2015). Justeru dalam konteks keluarga, ibu bapa adalah pendidik utama kepada anak-anak yang seharusnya mempunyai kesemua sifat yang dinyatakan ini. Abdullah Nasih Ulwan (2015) menyenaraikan enam kaedah dalam mendidik anak-anak. Ia merangkumi pendidikan melalui teladan, kebiasaan, pendidikan dalam Islam, nasihat, pemerhatian dan hukuman. Mufatihatut (2016) dan Mahzan Arshad (2007) menjelaskan, terdapat dorongan meniru dalam diri setiap anak-anak. Keadaan ini menggambarkan setiap yang dilakukan oleh ibu bapa akan mudah diikuti oleh anak-anak. Hal ini selaras dengan penemuan Anuar dan Norhaida (2016) bahawa suasana persekitaran yang diwujudkan oleh ibu bapa dalam keluarga akan mempengaruhi tingkah laku anak-anak.

Kajian Ramzi (2015) menunjukkan, antara masalah utama dalam institusi keluarga ialah kurangnya penerapan ilmu agama dalam jiwa anggota keluarga khususnya ibu bapa. Ilmu agama yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Kebanyakkan ibu bapa masa kini kurang menitikberatkan ilmu agama dalam kehidupan anak-anak (Raisya Maula, 2015 & Ramzee, 2015). Statistik yang dinyatakan pada tahun 2012, hanya seramai 368 orang yang terlibat dengan kegiatan jenayah dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, Namun demikian, menjelang tahun 2013 jumlah merekodkan peningkatan menjadikan seramai 542 orang yang terlibat dalam kegiatan sosial dan jenayah. Ini bermakna sebanyak 47% peningkatan mendadak terhadap masalah sosial dan jenayah dalam kalangan remaja.

Kurang Kemahiran Komunikasi dalam Keluarga

Barnes dan Olson (1985) mendapati apabila hubungan komunikasi dijalinkan dengan baik, maka akan terbentuk sebuah keluarga yang penuh dengan kasih sayang, hubungan semakin rapat sekali gus memudahkan jika berlaku konflik dalam kalangan anggota keluarga. Namun begitu, kekurangan kasih sayang dan perhatian ibu bapa terhadap anak-anak akan menyebabkan mereka merasakan diri tersisih, tidak disayangi dan tidak dihargai (Aznan et al, 2010). Sifat institusi keluarga yang tidak utuh membawa kepada porak peranda dalam kalangan anggota keluarga. Keadaan ini menunjukkan institusi keluarga berkenaan gagal berfungsi dengan baik. Antara faktor yang mendominasi adalah masalah perceraian, pergaduhan, tidak berkomunikasi dengan baik, konflik dan kekangan masa dengan anak-anak. Ibu bapa tidak lagi menjadi role model kepada anak-anak. Lebih menyedihkan apabila terdapat segelintir ibu bapa yang menyerahkan tugas sepenuhnya kepada pendidikan di sekolah dengan harapan anak mereka akan menjadi insan berguna kelak.

Kajian Ganesen dan Noraini (2014) mendapati bahawa sikap kurang komunikasi ibu bapa menyebabkan anak-anak sukar untuk meluahkan masalah mereka secara terbuka. Namun demikian, faktor masa juga mempengaruhi komunikasi ibu bapa dan anak-anak. Harun Arrasyid (2011) menyatakan ibu bapa masa kini berdepan dengan cabaran khususnya mereka yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur. Jadual kerja harian dan perjalanan ulang alik yang sesak sehingga perlu

memperuntukkan masa dua sehingga tiga jam setiap hari menjadi faktor utama mereka kurang berkomunikasi dengan anak-anak.

Pengaruh Media dalam Institusi Keluarga

Dewasa kini, penggunaan peranti teknologi atau gajet telah digunakan secara meluas oleh semua lapisan masyarakat. Penggunaan teknologi yang berkembang pesat seperti komputer, komputer riba, alat video, televisyen, telefon pintar, tablet, laman sesawang jaringan sosial seperti facebook, twitter, youtube, blog dan sebagainya mendapat tempat di seluruh pelusuk dunia (Salmah & Malisah, 2016). Bahkan penyebaran data dan maklumat melalui aplikasi ini tidak mengenal tempat, jarak dan waktu. Kajian Indra et. al (2013) menunjukkan gajet lebih diutamakan masa kini. Pengguna lebih gemar menghabiskan masa bersama gajet. Hal ini sekali gus merencatkan interaksi sosial sesama manusia. Jelasnya lagi, dalam konteks kehidupan berkeluarga, keadaan ini akan membawa kepada ketidakseimbangan pola interaksi komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak. Bagi membendung gejala ini berterusan, Isfadiah (2016) turut menyenaraikan tips penggunaan gajet iaitu menetapkan waktu penggunaan, selalu berkongsi baik dan buruk penggunaan, memantau laman sesawang yang dicapai oleh anak-anak, dekatkan anak-anak dengan jurnal pemikiran Islam dan pastikan anak-anak menggunakan gajet di tempat yang terbuka yang boleh dilihat oleh ibu bapa.

KESIMPULAN

Peranan komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak memainkan peranan penting terutama dalam menyampaikan maklumat dan pendidikan. Penyampaian maklumat yang tepat akan menghasilkan kefahaman yang jelas pada anak-anak sekali gus menjadikan tujuan komunikasi akan lebih berkesan dan berjaya. Selari dengan tujuan pendidikan anak-anak adalah untuk menghasilkan anak-anak yang berjaya dari semua sudut yang melibatkan pembentukan akhlak dan kejayaan material. Justeru sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak, perlu bagi mereka mempelajari teknik komunikasi berkesan terhadap anak-anak supaya pendidikan dan bimbingan yang diberikan mampu mencapai tujuannya yang sebenar.

RUJUKAN

- Abdul Muati @ Zamri Ahmad. 2016. *Psikologi dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Muati @ Zamri Ahmad. 2001. *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdullah Nasih Ulwan. 2015. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam Menggilap Sinar Peribadi Anak*. Selangor: Publishing House Sendirian Berhad.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1992. *Pendidikan Anak Menurut Islam Mengembangkan Keperibadian Anak*. Kuala Lumpur: PT Remaja Rosdakarya.
- Abdullah Nasih Ulwan. 1989. *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-Anak*. Terj. Aishah Hassan. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2005. *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*. Penang: PTS Professional Publishing and Distributions Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2004. *Psikologi Asuhan Keluarga*. Pahang: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2002. *Kemahiran Interpesonal untuk Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2000. *Psikologi Asuhan Keluarga Jilid 1*. Pahang: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2000. *Seni Bercakap-Cakap dan Berbual-Bual*. Pahang: PTS Publications and Distributions Sdn. Bhd.
- Ashraf Ali Thanwi. 1992. *Adab-Adab Kehidupan Bermasyarakat*. Terj. Abd. Aziz Abd. Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Harun Arrasyid Tuskan. 2011. *Pengorbanan Ibu Bapa Terhadap Anak*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Harun Arrasyid Tuskan. 2003. *Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Isfadiah Mohd Dasuki. 2016. *365 Tip Didik Anak Gaya Nabi*. Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad.
- Noraini Ismail. 2012. *Islam dan Komunikasi*. Melaka: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).
- Paizah Ismail. 1991. *Asas Pembinaan Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Mahir Publications Sdn. Bhd.

Pearson, J.C & Nelson, P.E. 2000. *An Introduction To Human Communication Understanding and Sharing*. United States: Mc Graw Hill Higher Education.

Teuku Iskandar. 1970. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Pustaka Kementerian Pelajaran.